

04 DEC 2000

Syed Hamid-Singapura

AKHBAR SINGAPURA DISARAN KELUAR DARI "MENTALITI DIKEPUNG"

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata akhbar Singapura khasnya Straits Times (ST) perlu keluar daripada sindrom "mentaliti dikepung" yang menganggap kononnya ada pihak lain yang akan melakukan sesuatu yang buruk terhadap pulau itu.

Katanya penghidap sindrom itu akan sentiasa melihat seseorang termasuk sahabatnya sendiri sebagai mempunyai agenda tertentu yang tidak baik terhadapnya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang media di lobi Parlimen hari ini, sebagai reaksi pertamanya terhadap tulisan akhbar itu yang menyeret Malaysia ke dalam kontroversi kritikan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid terhadap republik itu.

Syed Hamid berkata tuduhan wakil akhbar itu di Jakarta kononnya kutukan oleh Abdurrahman itu dibuat selepas provokasi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, adalah tuduhan melulu dan tidak berasas.

"Ia tidak munasabah, malah tidak masuk dalam kewarasan dalam mentadbir hubungan diplomatik dan hubungan dua hala negara," katanya.

Kata Syed Hamid; "Adakah kita boleh buat tuduhan kononnya tulisan dia sebenarnya dijolok oleh orang lain memandangkan beliau mempunyai hubungan rapat dengan (Menteri Kanan Singapura) Lee Kuan Yew?"

Dalam ruangnya yang disiarkan akhbar itu pada 30 Nov lepas, wakil akhbar itu, Susan Sim, menulis bahawa dalam dua kejadian Abdurrahman menyelar Singapura, pemimpin Indonesia itu sebelumnya mengadakan perjumpaan dengan Dr Mahathir dan Syed Hamid.

Dengan memetik pemerhati istana di Jakarta sebagai sumber, Sim berkata mereka berpendapat wujud suatu corak tertentu dalam selaran yang dibuat oleh Abdurrahman itu.

"Dah Indonesia nak luahkan perasaan tak senangnya, takkan Malaysia nak dijadikan dalang kononnya kita suruh... tidak mungkin (boleh disuruh-suruh kerana) Indonesia sebuah negara berdaulat yang mempunyai perasaan, dasar luar, isu-isu tersendiri."

Menurut Syed Hamid semasa sarapan pagi antara Dr Mahathir dan Abdurrahman atau "Gus Dur" sebagai acara sampingan semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean di Singapura baru-baru ini, mereka banyak membincangkan hubungan dua hala.

"Dr Mahathir telah bercakap mengenai perpaduan dan integrasi Asean semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean itu... buat apa pula lepas tu Perdana Menteri kita nak jolok Gus Dur untuk hentam Singapura," katanya.

Syed Hamid berkata tulisan akhbar itu bagaimanapun tidak akan menjejaskan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Singapura.

Katanya lawatan Lee Kuan Yew ke Malaysia baru-baru ini telah membuka lembaran baru dalam menyelesaikan beberapa perkara tertangguh yang melibatkan kedua-dua negara itu seperti isu bekalan air dari Johor ke Singapura, Keretapi Tanah Melayu dan jambatan baru menggantikan Tambak Johor.

"Lawatan Lee telah menyumbang ke arah memperbaiki lagi hubungan kita dan di dalam lawatan itu banyak perkara telah dibincang dan beliau telah diberi peluang berjumpa dengan kumpulan sasaran rakyat Malaysia sama ada melalui majlis, forum yang dianjurkan oleh Isis, Ahli Parlimen, media dan dewan perniagaan untuk diberi gambaran terkini mengenai negara kita", katanya.

Lawatan itu atas permintaan beliau selepas 10 tahun tidak datang ke

Malaysia.  
-- BERNAMA  
SLR MNY NMO